

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)  
SOALAN 15 (A39)**

Bagaimanakah Johor Economic, Tourism and Cultural Office (JETCO) di Singapura mampu membantu dan membentuk golongan belia negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN**

Johor Economic, Tourism and Cultural Office Singapore (JETCO) merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan bagi mempromosi dan memudahcara urusan pelaburan, pelancongan dan kebudayaan antara Johor dan Singapura. Pemilihan Singapura berasaskan lokasi strategik serta tarikan sebagai destinasi pelancongan dan pelaburan utama dunia, di samping faktor geografi menjadikannya sebagai pilihan utama bagi penubuhan organisasi ini.

Seiring pembukaan sempadan antarabangsa mulai 1 April 2022 yang lalu, Johor telah mendapat limpahan ekonomi terutama dari negara jiran ini. Jumlah aliran trafik keluar masuk sempadan turut menunjukkan peningkatan yang ketara, sekali gus dapat meningkatkan ekonomi Johor.

JETCO dengan kerjasama dari agensi Kerajaan seperti Invest Johor, Tourism Johor dan Yayasan Warisan Johor serta pihak berkepentingan yang berkenaan, akan mengutamakan in-market activation (dengan izin) bagi mempromosikan Johor. Sebagai contoh, kemasukan pelaburan dari Singapura akan turut membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia negeri Johor, di mana JETCO akan membantu dalam hebahan peluang-peluang pekerjaan tersebut kepada golongan belia negeri Johor.

Selain daripada itu, JETCO juga akan meneliti aktiviti dan program yang bersesuaian di Singapura untuk penglibatan dan penyertaan golongan belia Johor. Misalnya aktiviti dan program dalam bidang sukan dan kebudayaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 16 (A124)**

Adakah kerajaan ada perancangan untuk pelebaran Jalan Persekutuan J206 Jalan Tanjung Sembrong, Mukim Tanjung Sembrong Batu Pahat?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, J206 iaitu Jalan Olak Batu / Tanjung Sembrong adalah merupakan Jalan Negeri sepanjang 16.09kilometer dengan kelebaran 6.0m iaitu standard paling minimum bagi jalan iaitu R1. Buat masa ini, masih belum ada perancangan pelebaran bagi laluan ini.

Walau bagaimanapun ,jajaran sambungan bagi laluan ini sehingga ke Jalan Batu Pahat – Mersing (FT050) telah pun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) *Rolling Plan 1* di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Membina Jalan Baharu Menghubungkan Jalan Olak Batu (J206) Melalui Estet Tanjung Sembrong Ke Jalan Persekutuan (FT050), Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Peringkat pelaksanaannya adalah dalam fasa rekabentuk oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka bermula pada penghujung tahun 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)  
SOALAN 17 (A35)**

Apakah pelan halatuju pihak Kerajaan Negeri Johor untuk menangani masalah banjir di daerah Johor Bahru yang merupakan lokasi tumpuan berisiko banjir tertinggi berdasarkan kepada perkembangan perubahan iklim dan taburan hujan semasa?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Bagi menangani masalah banjir di lokasi tumpuan berisiko banjir, pihak kerajaan telah melaksanakan kajian semula pelan tindakan pengurusan banjir Negeri Johor. Pelan tindakan ini dihasilkan dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) yang dikenali sebagai Environmental Quality Management Plan (EQMP).

Proses pengemaskinian data diperlukan kerana perubahan 'trend' atau corak hujan dan cuaca yang berlaku secara drastik dalam tempoh beberapa tahun ini. Keperluan untuk pengemaskinian data diperlukan berikutan kenaikan paras air laut yang sedang berlaku di seluruh dunia dan kemunculan risiko baharu.

Untuk makluman juga, pihak MBBJ juga turut melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan pihak MBBJ seperti projek menaiktaraf parit lama atau membesarkan parit, projek tebatan banjir serta kerja penyelenggaraan pembersihan dan pembaikan struktur secara berkala dan "one-off" bagi menangani masalah banjir kilat termasuklah bekerjasama bersama agensi berkaitan dan mensyaratkan dalam keperluan rancangan kemajuan pembangunan bagi membina kolam takungan. Pihak MBBJ juga tidak ketinggalan dalam mengawal perancangan pembangunan di kawasan lembangan sungai utama iaitu denganewartakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Sungai Skudai MBBJ 2022 dan Perancangan Kajian Rancangan Kawasan Khas Sungai Tebrau dan Sungai Tiram.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)  
SOALAN 18 (A78)**

Masalah kesesakan trafik yang kritikal pada waktu puncak iaitu waktu pagi dan petang di laluan yang berikut:

- 1)Jalan Skudai-Pontian,
- 2)Simpang Empat Taman Pulau Jaya, dan
- 3)Jalan Ulu-Choh Gelang Patah.

Apakah tindakan segera dan perancangan jangka masa panjang kerjaan?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Jalan Johor Bahru - Pontian (FT005) ini sentiasa menampung jumlah kenderaan yang tinggi dan sering berlaku kesesakan terutamanya pada waktu puncak dan cuti hujung minggu. Keadaan ini sering berlaku kerana jalan ini menghubungkan laluan dari Pontian ke Pusat Bandar Johor Bahru atau dari Kulai atau Bandaraya Johor Bahru ke UTM serta taman-taman perumahan yang terdapat di kawasan sekitar.

Pembangunan taman-taman perumahan semakin bertambah dan kepadatan penduduk semakin meningkat saban tahun dengan kapasiti penduduk berkisar diantara 160,000 orang hingga 210,000 orang.

*Level of service* jalan sedia ada adalah LOS F. Laluan cadangan ini merupakan laluan utama ke Skudai, Kulai, Iskandar Puteri, Pontian dan Lebuhraya PLUS.

Kajian Kemungkinan yang pernah dilaksanakan oleh pihak Bahagian Perancang Jalan, Kementerian Kerja Raya pada 2009 menunjukkan keperluan naik taraf 2 persimpangan sedia ada iaitu Persimpangan Taman Sri Pulau dan Persimpangan Taman Seri Pulau Perdana/Taman Teratai kepada persimpangan bertingkat (persimpangan bertingkat) pada tahun 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker, masalah kesesakan trafik pada waktu puncak di Jalan Skudai – Pontian, yang berpunca dari persimpangan Taman Teratai ke arah UTM dari kedua-dua arah. Telah disyaratkan kepada pemaju bagi menaiktaraf jalan dengan menambah satu lorong dari arah Johor Bahru ke Pontian sepanjang 1.6 kilometer (bermula dari persimpangan Pulau Spring Resort).

Yang Berhormat Kota Iskandar, Simpang Empat Taman Pulau Jaya dan Jalan Ulu Choh Gelang Patah Kerajaan Negeri telah memohon Cadangan Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT005 Skudai - Simpang Jalan Ulu Choh kepada pihak Kementerian Kerjaraya dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dimasukkan di dalam Permohonan Projek Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP3, RMKe-12).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

Cadangan naik taraf jalan Skudai - Simpang Jalan Ulu Choh (FT005) akan melibatkan tiga fasa pembinaan. Fasa Pertama akan melibatkan pembinaan Cloverleaf Ke Jalan Masuk UTM Dan Melebarkan Jalan Dari UTM Ke Pulai Perdana sepanjang 4km. Fasa 2 adalah menaiktaraf Jalan Dari Taman Sri Pulai Perdana Ke Kangkar Pulai sepanjang 4km dan Fasa 3 dengan Menaiktaraf Jalan Dari Kangkar Pulai Ke Persimpangan Jalan Johor Bahru-Pontian/Jalan Tanjung Kupang sepanjang 6km.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri memohon agar kerajaan persekutuan mempertimbangkan Cadangan Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT005 Skudai - Simpang Jalan Ulu Choh dimasukkan di dalam Permohonan Projek Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP3, RMKe-12).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)  
SOALAN 19 (A1)**

Memandangkan Jementah merupakan salah satu port pertanian yang sangat penting dalam inisiatif pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, apakah status perkembangan program tersebut?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Cadangan kemasukan Daerah Segamat sebagai sebahagian daripada wilayah ECER adalah masih diperingkat parlimen. Bacaan kali pertama Rang Undang-Undang (RUU) Pindaan Akta 688 (berkaitan Segamat) telah dibentangkan kepada Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. Manakala, bacaan kali kedua dan ketiga dijangka pada Julai 2022 dan November 2022 sebelum dapat dibentangkan kepada Dewan Negara dan diikuti perkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

ECERDC bersama Pejabat Daerah Segamat dan Jabatan Pertanian Negeri Johor sedang merencana dalam merealisasikan inisiatif pembangunan dalam pertanian di daerah Segamat selaras dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN) Johor 2030 dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Segamat 2030. Satu Bengkel Sektor Pertanian dan Pelaburan Daerah Segamat telah dilaksanakan pada 8 Februari 2022 sehingga 10 Februari 2022 dengan dihadiri oleh jabatan dan agensi berkepentingan. Bengkel tersebut diadakan bagi mengenalpasti resolusi serta inisiatif yang terbaik, dan perancangan pembangunan sektor pertanian daerah Segamat termasuklah bagi membangunkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) di Daerah Segamat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)  
SOALAN 20 (A155)**

Apakah inisiatif yang telah dan akan dilakukan oleh KPM untuk mengatasi isu keselamatan pendawaian elektrik di sekolah-sekolah dalam kawasan FELDA? Kerana kebanyakan sekolah dibina pada era 70an dan masih menggunakan pendawaian single phase yang mengakibatkan kerap berlakunya trip elektrik.

**JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH**

Bagi mengatasi isu keselamatan pendawaian elektrik di sekolah-sekolah dalam Kawasan FELDA yang masih menggunakan pendawaian untuk bekalan kuasa 1 fasa (single phase)-dengan izin, pihak sekolah terlibat perlu menghantar aduan dan laporan kerosakan kepada Unit Pembangunan dan Infrastruktur, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pihak PPD akan mengangkat permohonan pemeriksaan kepada pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrikal (CKE).

JKR CKE akan melaksanakan pemeriksaan menyeluruh sistem elektrikal di sekolah yang berkaitan dan akan mengemukakan laporan pemeriksaan dan anggaran peruntukan yang diperlukan untuk penyelenggaraan. Syor penyelenggaraan tertakluk kepada nasihat dan pandangan JKR CKE sama ada sistem pendawaian bekalan kuasa 1 fasa adalah mencukupi untuk sekolah terbabit atau perlu dinaik taraf kepada pendawaian bekalan kuasa 3 fasa. Seterusnya, permohonan peruntukan akan diangkat ke Bahagian Pengurusan Aset (BPA), KPM oleh Sektor Pembangunan dan Infrastruktur, JPN Johor untuk kelulusan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 21 (A38)**

Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri Johor memastikan keberkesanan organisasi Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk mensejahterakan kehidupan penduduk di perumahan bertingkat?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Untuk makluman Badan Pengurusan Bersama (JMB) adalah suatu entiti/ pihak yang berkepentingan menguruskan kawasan harta bersama (*Common area*) di suatu kawasan pemajuan berstrata.

Di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Selain itu turut dimaklumkan juga bahawa tarikh kuatkuasa Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 [P.U.(A) 107] pula telah diwartakan pada 2 Jun 2015. Merujuk kepada peruntukan Seksyen 21(1)(a), Akta 757. 21. Kewajipan dan Kuasa badan pengurusan bersama. (1) kewajipan badan pengurusan bersama adalah seperti yang berikut: a) untuk menyenggarakan dan menguruskan dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama, dan menjaganya dalam keadaan yang baik dan pembaikan yang dapat digunakan. Berdasarkan peruntukan di atas jelas menyatakan adalah menjadi tugas badan pengurusan bersama untuk menyenggara dan mengurus bangunan dan kawasan harta bersama. Selain itu, dengan merujuk kepada peruntukan Seksyen 25(1), Akta yang sama.

25. Pemunya petak hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada kumpulan wang penjelas, kepada badan pengurusan bersama.

(1) Setiap pembeli hendaklah membayar Caj, dan caruman kepada kumpulan wang penjelas, berkenaan dengan petaknya kepada badan pengurusan bersama bagi penyenggaraan dan pengurusan bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama di dalam suatu kawasan pemajuan. Berdasarkan peruntukan di atas jelas menyatakan adalah menjadi tugas pembeli petak untuk membayar caj penyenggaraan bagi membolehkan badan pengurusan menjalankan kewajipan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan Akta 757. Manakala merujuk kepada peruntukan Seksyen 4, Akta 757.

Manakala merujuk kepada peruntukan Seksyen 4, Akta 757.

4. Pelantikan Pesuruhjaya Bangunan, timbalan dan pegawai lain.

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, berkenaan dengan sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kawasan lain, melantik seorang pegawai



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

yang hendaklah dikenali sebagai Pesuruhjaya Bangunan dan apa-apa bilangan Timbalan Pesuruhjaya Bangunan dan pegawai lain yang perlu bagi maksud mentadbir dan menjalankan peruntukan Akta ini.

(3) Tertakluk kepada apa-apa arahan am atau khas Pihak Berkuasa Negeri yang selaras dengan peruntukan Akta ini, Pesuruhjaya hendaklah menjaga pentadbiran Akta ini dan boleh melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan dan boleh menjalankan apaapa kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Pihak kerajaan sentiasa memberi bantuan dari semasa ke semasa. Terutamanya bagi skim kos rendah & sederhana rendah. Ini termasuk bantuan kewangan bagi membaikpulih / menyenggara harta bersama.

Diantaranya seperti Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) yang merupakan bantuan membaik pulih / menyenggara rumah berstrata kos rendah / sederhana rendah swasta, bertujuan :-

1. Membantu pihak JMB / MC menyediakan peruntukan untuk membaik pulih dan menyenggara perumahan berstrata seterusnya,
2. Menyediakan persekitaran kediaman yang selesa dan berkualiti kepada penghuni perumahan berstrata. Skop kerja bagi Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) adalah sebagaimana berikut:-
  - A. Baiki / ganti lif / AVAS
  - B. Baiki / ganti tangki air dan sistem retikulasi
  - C. Baiki / ganti paip sanitari
  - D. Baiki / ganti bumbung
  - E. Baiki / ganti tangga dan susur tangan (handrail)
  - F. Mengecat bangunan
  - G. Pendawaian semula elektrik
  - H. Membaiki kerosakan umum yang membahayakan penghuni dan melibatkan harta bersama
  - I. Membaiki pagar
  - J. Membaiki cerun

Untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) sahaja, terdapat 447 skim pemajuan berstrata termasuk kos rendah, sederhana dan kos tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)  
SOALAN 22 (A139)**

Nyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah gelandangan khususnya penempatan warga emas dan status pembinaan semula atau naik taraf rumah Seri kenangan.

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Isu gelandangan adalah merupakan tanggungjawab bersama di antara agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani masalah gelandangan samada di bandar-bandar besar atau di daerah-daerah. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor sentiasa mengambil berat tentang masalah gelandangan khususnya yang melibatkan warga emas.

Dalam perkara ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa membuat **pemantauan dan tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Akta Orang Papa 1977** bagi menangani masalah gelandangan ini.

Antara tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor adalah seperti berikut:

- i. Mengadakan **mesyuarat bersepadu dan kolaborasi di antara Agensi Penguatkuasaan** yang lain seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Imigresen, Agensi Anti dadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan terhadap pengemis dan kuturayau mengikut bidang kuasa Agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.
- ii. Membuat pemantauan dan **tindakan penguatkuasaan berkala menyelamatkan pengemis dan kuturayau bagi mengenalpasti perkhidmatan yang sesuai untuk golongan gelandangan ini.**
- iii. Membuat **profailing terhadap golongan gelandangan untuk rekod dan rujukan kepada agensi kerajaan yang lain** mengikut kesesuaian perkhidmatan yang diperlukan oleh mereka.
- iv. Menjalankan **kempen dan advokasi** kepada masyarakat umum tentang **kesedaran bersama untuk mencegah aktiviti pengemisan.**

Bagi golongan gelandangan warga emas tindakan menyelamatkan yang dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

- I. Menempatkan mereka di mana-mana Pusat Jagaan Warga Emas yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor untuk tujuan perlindungan bagi gelandangan yang tidak mempunyai waris.
- II. Mengesan waris atau keluarga bagi tujuan mengembalikan mereka kepangkuan keluarga.
- III. Menempatkan mereka di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan perlindungan dan penjagaan yang sesuai.

Status pembinaan **Rumah Seri Kenangan** adalah dibawah seliaan **Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru**. Kerja-kerja meroboh telah selesai dibuat pada 31 Oktober 2021. Penyerahan dokumen siap kerja telah dilaksanakan oleh pihak JKR Daerah Johor Bahru kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor pada 4 Januari 2022.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 23 (A100)**

Adakah semua peruntukkan Marris diuruskan oleh konsesi SAFWA, apakah asas pemilihan konsesi tersebut dan pencapaiannya sehingga kini?

**JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH**

Kerajaan Persekutuan melalui Perkara 109(1)(B) Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi membantu kerajaan negeri menyelenggara jalan di negeri masing – masing.

Peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri disediakan di bawah peruntukan tanggungan dan diagihkan kepada kerajaan negeri berdasarkan panjang jalan negeri yang berdaftar di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).

Kementerian Kewangan menyalurkan pemberian MARRIS kepada Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.

Berdasarkan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri 2.0, peruntukan MARRIS ini khusus kepada kerja – kerja penyelenggaraan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung serta jalan pertanian.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Mengkibol, peruntukan MARRIS yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri, jalan Pihak Berkuasa Tempatan, jalan kampung dan jalan pertanian.

Kerajaan Negeri telah melantik syarikat Safwa Global Venture Sdn. Bhd bagi mengurus dan menyelenggara jalan – jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Mengkibol juga, di bawah peruntukan MARRIS, terdapat sebahagian jalan kampung yang diselenggara oleh Pejabat Daerah manakala jalan pertanian juga diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor.

YB Tuan Speaker, prestasi syarikat konsesi adalah dalam tahap yang baik. Kerajaan Negeri telah melantik Pegawai Penguasa bagi setiap konsesi penyelenggaraan jalan untuk memastikan syarikat konsesi yang telah dilantik melaksanakan tugas dengan baik dan sempurna. Sebagai contoh, bagi penyelenggaraan jalan PBT, Setiausaha Bahagian, Bahagian Kerajaan Tempatan telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa dan Datuk Bandar /

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor telah dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa bagi menyelia projek konsesi Penyelenggaraan Jalan PBT di Negeri Johor.

Bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan tugas dengan sempurna, pemantauan pelaksanaan dan kualiti kerja dipantau dan disahkan oleh perunding yang dilantik bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Sekiranya tidak mengikut spesifikasi maka Laporan Ketidakpatuhan [*Non-Conformity Report* (NCR)] akan dikeluarkan dan bayaran tidak akan dibuat sehingga kerja pembaikan tersebut dilaksanakan. Segala permasalahan, aduan, ketidakcepan syarikat konsesi, kelewatan kerja serta pelbagai isu yang berbangkit akan diteliti oleh setiap PBT dan Kerajaan Negeri Johor.

Seterusnya, setiap Arahan Kerja (AK) yang dikeluarkan jelas menyatakan tarikh mula dan siap setiap kerja. Sekiranya, pihak syarikat konsesi lewat menyiapkan kerja sebagaimana tempoh yang ditetapkan, syarikat berkenaan akan dikenakan denda *Liquidated Ascertained Damages* (LAD).

(Sumber : Perbendaharaan Negeri Johor, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 24 (A114)**

Minta dinyatakan perincian pelan tindakan (blueprint) yang terkini oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memperbaiki dan memperkasa Program Keselamatan Makanan Negeri Johor sedia ada?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Kerajaan negeri akan terus memperkasakan Agenda Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor bagi mencapai hasrat negeri ini sebagai food bank kepada keperluan domestik dan pasaran antarabangsa. Negeri Johor akan membangunkan industri agromakanan sebagai industri yang mampan, berteknologi dan berproduktiviti tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Penggubalan Dasar Agromakanan Negeri Johor 2022-2030 kini berada di peringkat akhir pelaksanaannya dan dijangka akan dilancarkan dalam masa terdekat ini. Ianya akan menjadi panduan dan dokumen induk yang memandu segala perancangan dan pelaksanaan bagi memacu pembangunan sektor agromakanan negeri ini.

Kerajaan negeri telah merangka Pelan Pembangunan 5 Tahun bagi pembangunan sektor pertanian dan agromakanan. Tumpuan diberikan kepada Pembangunan Industri Tanaman Makanan Utama, Pembangunan Industri Perikanan, Pembangunan Industri Penternakan, Pembangunan Industri Asas Tani dan Pembangunan Belia Tani. Pelbagai inisiatif dan strategi telah dirangka untuk menyokong hasrat bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan menjelang tempoh 5 tahun akan datang.

Menjelang 5 tahun akan datang, kerajaan negeri telah menyasarkan peningkatan bagi pengeluaran produk-produk pertanian utama. Bagi pengeluaran buah-buahan utama disasarkan akan meningkat sebanyak 32.46 %, sayur-sayuran utama sebanyak 32.87 %, perikanan akuakultur sebanyak 62 %, penternakan ruminan sebanyak 22.4 % dan pengeluaran tenusu menerusi pembangunan Jemaluang Dairy Valley (JDV) akan meningkatkan pengeluaran daripada 9 Juta Liter setahun kepada 16-17 juta liter setahun.

Bagi memfokuskan pengeluaran hasil pertanian bernilai tinggi, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Penedaran (CPPDC) sedang dibangunkan (peringkat awal) di Bidesaru, Kota Tinggi. Kerajaan juga bercadang untuk membangunkan 2 lagi CPPDC di bahagian utara dan tengah negeri Johor.

Keseluruhannya, sektor pertanian dan industri makanan akan terus diperkasakan untuk meningkatkan lagi sumbangan sektor tersebut kepada KDNK negeri dan yang paling penting, usaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi para pengusaha tetap menjadi keutamaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)  
SOALAN 25 (A134)**

Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri boleh menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi merangka pelan mesra OKU untuk menjadikan Johor sebagai negeri contoh mesra OKU?

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pelbagai agensi lain sentiasa prihatin dalam memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) di negeri ini dapat menjalani kehidupan dengan selesa terutamanya dalam menyediakan persekitaran yang bebas halangan dan kemudahan yang mesra OKU. Aksesibiliti kepada OKU bukan sahaja dari aspek persekitaran dan kemudahan, malah melibatkan pengangkutan, pendidikan pekerjaan, perumahan, perbankan dan sebagainya. Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan

Berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2019 mengenai Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal yang telah dikeluarkan, pekeliling tersebut adalah bagi Panduan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa tempatan (PBT) dan juga bagi rujukan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBS) dalam menyediakan fasiliti untuk OKU. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa bersedia dalam memberi pandangan dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan berkaitan dalam usaha untuk menyediakan fasiliti dan aksesibiliti OKU bagi golongan ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 26 (A16)**

Adakah kerajaan bersedia atau merancang untuk membuka semula Pantai Rekreasi Telok Arong memandangkan ketika ini pantai itu tidak dibuka kepada orang awam sejak sekian lamanya?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Pantai Rekreasi Telok Arong atau Taman Eko Rimba Teluk Arong telah ditubuhkan pada Januari 2021 dan telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar dengan acara pecah tanah pada 13 November 2021 bagi pembukaan Taman Eko Rimba tersebut.

Berkaitan pembukaan semula kawasan Taman Eko Rimba Teluk Arong, Jabatan Perhutanan Negeri Johor masih dalam proses menaiktaraf dan menyelenggara fasiliti di samping terdapat keperluan lain perlu disediakan seperti sumber air dan elektrik bagi kegunaan pengunjung di kawasan tersebut bagi aktiviti berkelah, berkhemah dan bermalam. Kawasan tersebut dijangka dibuka pada awal tahun 2023 sekiranya keperluan fasiliti asas tersebut dapat dibangunkan pada tahun ini.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)  
SOALAN 27 (A108)**

Berapakah jumlah pelancong yang telah menebus Baucer Pelancongan Johor mengikut perancangan pada Belanjawan 2022 setakat ini?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Program Baucer Pelancongan Johor merupakan satu inisiatif yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor, bagi memberi sokongan secara terus bagi pemulihan sektor industri ini yang terjejas teruk berikutan pandemik Covid19 yang lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan, program ini yang dijangka akan digerakkan sejurus pelaksanaan program insentif Bantuan Industri Pelancongan Johor, walaubagaimanapun, akan dibatalkan dan dibuat transformasi terutama sekali berkaitan kepada mekanisme tajuk pelaksanaan, sasaran dan impak, berikutan industri pelancongan Johor yang dilihat hampir pulih melepasi aras 50%.

Program ini akan dibuat penyesuaian bagi melihat insentif tambahan kepada industri pelancongan yang lebih berimpak tinggi serta dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan menyokong aspirasi negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 28 (A15)**

Masalah gajah dalam kawasan DUN sekian lama telah dibangkitkan di dalam Dewan mulia ini, jadi bilakah isu ini dapat diselesaikan memandangkan masalah ini semakin meruncing dan mengancam penduduk kampung?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Untuk makluman YB Endau, mengikut rekod jabatan terdapat 187 aduan gajah sepanjang 5 tahun daripada 2015-2021 telah direkodkan di Daerah Mersing (Lampiran 1) . Setiap aduan yang diterima , pihak jabatan telah mengambil tindakan dengan sewajarnya. Populasi gajah liar yang sering menimbulkan konflik di Daerah Mersing adalah daripada kumpulan ID Peta yang mempunyai populasi gajah dianggarkan sebanyak 17-20 ekor.

Pada tahun 2022 (hingga Mei) , terdapat 7 aduan telah direkodkan hanya di kawasan Endau . Jabatan PERHILITAN memang memberi perhatian yang serius ke atas gangguan gajah yang berlaku di Negeri Johor, terutamanya di kawasan Endau. Bagi mengatasi isu konflik gajah liar di kawasan Endau, Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa langkah sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang telah dan akan terus dijalankan bagi mengatasi isu gangguan gajah liar.

Kawasan ladang yang selalu dimasuki gajah liar adalah kawasan bersebelahan dengan Hutan Simpan Gunung Arong. Masih terdapat pemilik ladang tidak memasang sistem pagar elektrik dan mengali parit gajah diladang-ladang dan ini memudahkan gajah-gajah liar memasuki ladang. Bagi mengurangkan dan sebolehnya menyelesaikan konflik gajah yang berlaku di kawasan Endau, pihak Jabatan PERHILITAN telah mengambil langkah-langkah seperti :-

- i. Jabatan PERHILITAN telah menyediakan peruntukkan untuk kakitangan bagi menjalankan kerja-kerja rondaan, tembak halau , kawalan disebelah malam dan operasi tangka pindah. di kawasan *hotspot* berlakunya konflik gajah yang melibatkan kebun-kebun penduduk kampung , ladang-ladang FELDA, FELCRA serta ladang persendirian.
- ii. Mengadakan program kesedaran awam menerusi sesi dialog dan perbincangan bersama masyarakat yang bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman penduduk dalam pengurusan konflik manusia-gajah dan kaedah pengurusan kebun yang betul terutama bagi kawasan yang bersempadan dengan kawasan hutan;
- iii. Pihak Jabatan PERHILITAN sering memberikan khidmat nasihat teknikal terutamanya kaedah mitigasi terbaik mengawal serangan gajah kepada ladang-ladang yang berisiko kepada ancaman serangan gajah ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

- iv. Kaedah membina parit gajah dan sistem pagar elektrik adalah merupakan salah satu kaedah terbaik pada ketika ini untuk menghalang daripada serangan gajah. Namun, pembinaan sahaja tidak mencukupi sekiranya tiada pemeriksaan dan penyelenggaraan ke atas parit gajah dan sistem pagar elektrik ini dibuat. Pihak jabatan telah memberi nasihat dan pandangan kepada ladang-ladang persendirian terutamanya kawasan ladang yang berhampiran dengan kawasan hutan simpan.

**STATISTIK ADUAN KONFLIK GAJAH DI DAERAH MERSING BAGI TAHUN 2015  
HINGGA 2021**

Daerah	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Mersing	15	9	10	44	36	40	33	<b>187</b>

\*Aduan baru sahaja (Pengkalan Data Jabatan PERHILITAN Sem. Malaysia)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 29 (A142)**

Nyatakan statistik jenayah komersial termasuk bilangan kes, amaun terlibat, kes didakwa, dan lain lain mengikut kategori dan daerah bagi tahun 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Bagi menjawab soalan YB Johor Jaya, berikut adalah statistik jenayah komersial yang direkodkan PDRM Kontinjen Johor mengikut pecahan kesalahan dan tahun (lampiran)

Statistik kes jenayah komersil:

BIL	KESALAHAN	TAHUN					
		2017	2018	2019	2020	2021	2022 (JAN-MEI)
1	Penipuan	2,659	2,590	3,265	3,520	2,785	1,307
2	Pecah Amanah Jenayah	227	206	275	143	56	34
3	Jenayah Siber	170	82	47	27	18	27
4	Akta Pemberi Pinjaman Wang (AH LONG)	193	230	469	414	189	72
5	Pemalsuan	19	33	21	12	4	4
6	Salah Guna Harta	7	9	7	5	6	2
7	Wang Palsu	13	22	21	8	3	1
8	VCD/DVD	136	56	64	5	2	0
9	Lain-lain kes	19	57	22	27	17	3
<b>JUMLAH</b>		<b>3,443</b>	<b>3,285</b>	<b>4,191</b>	<b>4,161</b>	<b>3,080</b>	<b>1,450</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

Statistik jumlah kerugian jenayah komersil mengikut kesalahan:

BIL	KESALAHAN	TAHUN					
		2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (JAN-MEI) (RM)
1	Penipuan	60,972,534.14	57,408,265.34	145,600,367.00	105,031,000.59	94,487,886.49	141,305,555.71
2	Pecah Amanah Jenayah	57,434,764.17	29,363,207.04	31,462,912.99	176,241,150.65	28,231,486.09	18,290,612.94
3	Jenayah siber	1,015,291.87	13,348,897.24	445,756.19	934,767.08	230,225.89	570,470.74
4	Akta Pemberi Pinjaman Wang (AH LONG)	0.00	335,400.00	538,200.00	415,850.00	65,300.00	457,221.00
5	Pemalsuan	2,232.74	0.00	100.00	34,800.00	0.00	0.00
6	Salah guna harta	192,750.87	93,440.00	648,980.00	14,361.00	845,300.00	49,000.00
7	Wang palsu	0.00	7,700.00	8,110.00	3,200.00	200.00	0.00
8	Lain-lain kes	68,918,012.36	45,901,085.79	0.00	3,200.00	0.00	170,100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>188,535,586.15</b>	<b>146,457,995.41</b>	<b>178,704,426.18</b>	<b>282,675,129.32</b>	<b>123,860,398.47</b>	<b>160,542,960.39</b>

Statistik pertuduhan komersil mengikut kesalahan:

BIL	KESALAHAN	TAHUN					
		2017	2018	2019	2020	2021	2022 (JAN-MEI)
1	Penipuan	656	684	940	1,366	1,328	569
2	Pecah Amanah Jenayah	104	54	85	51	12	11
3	Jenayah Siber	26	23	17	14	8	3
4	APPW (AH LONG)	72	31	86	130	121	34
5	Pemalsuan	10	26	8	1	2	0
6	Salah guna Harta	1	2	1	4	0	0
7	Wang palsu	4	15	13	3	5	0
8	Vdc /dvd	242	118	97	30	5	3
9	Lain-lain kes	19	35	17	22	8	3
<b>JUMLAH</b>		<b>1,134</b>	<b>988</b>	<b>1,264</b>	<b>1,621</b>	<b>1,489</b>	<b>623</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

Statistik pertuduhan mengikut daerah:

BIL	DAERAH	2017	2018	2019	2020	2021	2022 (JAN-MEI)
1	JB Selatan	230	188	270	288	276	91
2	JB Utara	169	93	82	104	116	42
3	Iskandar Puteri	116	104	122	212	93	46
4	Seri Alam	99	100	260	272	189	68
5	Kulai	89	88	104	184	229	83
6	Muar	69	60	95	64	80	37
7	Batu Pahat	94	62	47	83	85	48
8	Kluang	71	60	36	151	128	43
9	Pontian	78	67	98	91	91	45
10	Segamat	31	61	71	76	82	48
11	Kota Tinggi	37	61	33	27	41	21
12	Mersing	14	13	18	20	38	17
13	Tangkak	37	31	28	49	41	34
<b>JUMLAH</b>		<b>1,134</b>	<b>988</b>	<b>1,264</b>	<b>1,621</b>	<b>1,489</b>	<b>623</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 30 (A67)**

Sila nyatakan jumlah kes gangguan bekalan air yang telah berlaku mengikut daerah sejak 1 Januari 2022 sehingga sekarang dan sebabnya.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **YB Tangkak**, punca gangguan bekalan air disebabkan berlakunya penutupan loji, gangguan bekalan air tidak terancang susulan kejadian paip pecah, terputus bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), kerja-kerja projek yang sedang dijalankan dan permintaan air yang tinggi semasa musim perayaan. Jadual A dan Jadual B (Gangguan air bagi kerja Terancang dan Tidak Terancang) adalah seperti berikut:

**JADUAL A: GANGGUAN BEKALAN AIR TERANCANG MENGIKUT DAERAH (NOTIS)**

BULAN 2022	JOHOR BAHRU	BATU PAHAT	MUAR	KLUANG	SEGAMAT	KOTA TINGGI	PONTIAN	MERSING
JANUARI		2	2			1		
FEBUARI	5		5	1				
MAC	2	3	6	1		1		
APRIL	1	1	4	1	1			1
MEI	3	1	8	1		1		

**JADUAL B: GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK TERANCANG MENGIKUT DAERAH KES PAIP PECAH BAGI TAHUN 2022**

NO.	DAERAH	JAN	FEB	MAC	APR	MAY
1	Batu Pahat	45	54	36	44	28
2	Johor Bahru	64	61	43	30	38
3	Kluang	26	20	17	14	18
4	Kota Tinggi	38	31	42	29	39
5	Mersing	25	22	33	39	25
6	Muar	35	31	31	33	36
7	Pontian	55	35	33	13	24
8	Segamat	22	48	42	54	24
<b>Total</b>		<b>310</b>	<b>302</b>	<b>277</b>	<b>256</b>	<b>232</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**KES-KES LOJI HENTI OPERASI YANG MELIBATKAN GANGGUAN BAGI TAHUN 2022:**

NO.	DAERAH/ KAWASAN	JAN	FEB	MAC	APR	MAY
1	Batu Pahat	3	0	1	2	1
2	Johor Bahru	0	1	1	3	0
3	Kluang	7	3	3	4	0
4	Kota Tinggi	2	0	0	7	2
5	Mersing	6	2	6	3	4
6	Muar	2	2	0	1	1
7	Pontian	0	0	0	0	0
8	Segamat	5	0	4	2	6
<b>Total</b>		<b>25</b>	<b>8</b>	<b>15</b>	<b>22</b>	<b>14</b>

**KATEGORI-KATEGORI KES LOJI HENTI OPERASI:**

NO.	KES LOJI	JAN	FEB	MAC	APR	MAY
1	TNB	10	4	8	13	10
2	BURST	9	1	4	4	4
3	DAF	2	2	1	2	0
4	RAW	4	1	2	4	0
<b>Total</b>		<b>25</b>	<b>8</b>	<b>15</b>	<b>22</b>	<b>14</b>



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)  
SOALAN 31 (A183)**

Mohon pihak Ranhill SAJ mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah di Kampung Bukit Banang yang masih tidak mendapat bekalan air bersih. Begitu juga halnya di Kampung Teluk Buloh yang menghadapi masalah ketiadaan paip air.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Langkah mengatasi isu yang dibangkitkan YB Senngarang diselesaikan menerusi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) 2023-2024, di bawah Kementerian Luar Bandar.

Kampung-kampung yang terlibat adalah:

- i. Lorong Ibrahim, Kg Telok Buloh, Minyak Beku.
- ii. Lorong Fatimah, Kg. Telok Buloh, Minyak Beku.
- iii. Jalan Belud Putih, Bukit Banang, Sg Ayam, Minyak

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)  
SOALAN 32 (A41)**

Sila nyatakan butiran bagi projek “Bantuan Beras Bangsa Johor” dengan memberi maklumat mengenai pembekal beras, kos beras dan kos logistik terlibat, serta bilangan penerima dan peratusan penerima beras mengikut DUN setakat 31 Mei 2022.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **YB Senai**, Bantuan Beras Bangsa Johor dizahirkan atas rasa berterima kasih daripada Kerajaan Negeri Johor kepada seluruh rakyat negeri Johor yang memberi kepercayaan dan mandat kepada kepimpinan kerajaan negeri yang baru selain sebagai tanda penghargaan terima kasih Kerajaan negeri kepada rakyat negeri Johor terutama mereka yang bertugas di barisan hadapan yang telah bersama-sama berjuang dalam mendepani pandemik COVID 19 sejak dari pelaksanaan PKP sehingga ke Fasa Peralihan Endemik.

Bantuan Beras Bangsa Johor ini mensasarkan pemberian beras 10kg **secara percuma kepada 903,136** orang Ketua Isi Rumah (KIR) seluruh negeri Johor. Pemberian dan pengagihan beras percuma ini telah bermula pada 27 April 2022 dengan mensasarkan KIR di kalangan B40 terlebih dahulu iaitu sebagai persiapan menyambut Adilfitri.

Sehingga 31 Mei 2022 seramai **887,768 orang KIR** atau **98.30%** daripada 903,136 KIR yang disasarkan telah menerima bantuan beras percuma ini. Butiran peratusan penerima beras mengikut DUN adalah sebagaimana **dilampiran 1**.

Bagi tujuan pengagihan dan pembekalan beras ini, Kerajaan Negeri telah melantik 3 buah syarikat beras iaitu;

- i. **Syarikat Serba Wangi Sdn.Bhd** bagi edaran daerah Johor Bahru iaitu sebanyak **437,232** kampakit.
- ii. **Syarikat Jasmine Food Corporation Sdn.Bhd** bagi 8 buah daerah iaitu Muar, Segamat, Kluang, Pontian, Kota Tinggi, Mersing, Tangkak dan Kulai iaitu sebanyak **368,409** kampakit.
- iii. **Syarikat Faiza Sdn.Bhd** bagi daerah Batu Pahat iaitu sebanyak **97,495** kampakit.

Ketiga-tiga syarikat ini telah menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga siling yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu kurang RM26 bagi satu kampakit beras 10kg. Maklumat tawaran harga bagi ketiga-tiga syarikat beras ini adalah sebagaimana berikut;

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022**

- i. **Syarikat Serba Wangi Sdn.Bhd (RM25.50 sekampit).**
- ii. **Syarikat Jasmine Food Corporation Sdn.Bhd (RM25.20 sekampit).**
- iii. **Syarikat Faiza Sdn.Bhd (RM25.10 sekampit).**

Manakala bagi tujuan penyimpanan stok beras yang telah dihantar ke daerah-daerah, kerajaan negeri telah bersetuju memberikan sebanyak RM20,000 bagi setiap daerah atau RM200,000.00 keseluruhan bagi tujuan logistik ini.

**LAMPIRAN 1**  
**PRESTASI PENGAGIHAN BANTUAN BERAS BANGSA JOHOR SELURUH**  
**DAERAH/DUN**  
**SEHINGGA 31 MEI 2022**

BIL	DAERAH	JUMLAH BERAS/KIR	DUN	JUMLAH (KAMPIT BERAS ) PENGHANTARAN sehingga 31 Mei 2022	PERATUSAN (%)
1.	JOHOR BAHRU	437,232	Tiram	48,934	11.2
			Puteri Wangsa	70,198	16.1
			Johor Jaya	35,943	8.2
			Permas	50,952	11.7
			Larkin	26,368	6
			Stulang	23,439	5.4
			Perling	49,143	11.2
			Kempas	24,688	5.6
			Skudai	34,458	8
			Kota Iskandar	67,035	15.3
			<b>JUMLAH</b>	<b>431,158</b>	<b>98.6</b>
2.	MUAR	52,269	Bukit Kepong	7,025	13.4
			Bukit Pasir	8,683	16.8
			Bentayan	6,784	13.1
			Simpang Jeram	8,651	17
			Bukit Naning	5,461	10.4
			Maharani	9,719	19.1
			Sungai Balang	5,486	10.5
3.	BATU PAHAT	97,495	Penggaram	19,471	20
			Semerah	10,070	10.3
			Sri Medan	6,609	6.8
			Yong Peng	10,244	10.5
			Parit Yanni	15,748	16.2
			Parit Raja	12,271	12.3
			Semarang	6,779	7
			Senggarang	9,867	10.1
			Renggit	6,211	6.4
			<b>JUMLAH</b>	<b>97,270</b>	<b>99.7</b>
4.	SEGAMAT	49,054	Jementah	9,718	19.8
			Buloh Kasap	7,267	14.8
			Pemanis	7,969	16.2
			Kemelah	10,758	21.9
			Bekok	6,154	12.5
			Tenang	4,823	9.8
5.	KLUANG	72,002	Machap	9,470	13.2
			Layang	8,146	11.3
			Mengkibol	20,188	28
			Paloh	6,991	10
			Kahang	7,408	10.3
			Mahkota	19,582	27.1
			<b>JUMLAH</b>	<b>71,785</b>	<b>99.7</b>

6.	PONTIAN	40,494	Benut	9,070	22.4
			Pulai Sebatang	10,021	24.5
			Pekan Nenas	10,004	25
			Kukup	10,295	25.4
			<b>JUMLAH</b>	<b>39,390</b>	<b>97.3</b>
7.	KOTA TINGGI	46,824	Pasir Raja	8,921	19.3
			Panti	12,882	27.9
			Johor Lama	6,919	14.8
			Sedili	6,578	14
			Penawar	6,919	14.8
			Tg.Surat	3,951	8.4
			<b>JUMLAH</b>	<b>46,170</b>	<b>98.6</b>
8.	MERSING	16,996	Endau	8,013	47.2
			Tenggaroh	8,868	52.1
			<b>JUMLAH</b>	<b>16,881</b>	<b>99.3</b>
9.	KULAI	58,689	Bukit Permai	21,309	36.3
			Bukit Batu	14,537	24.8
			Senai	13,667	23.3
			Kota Iskandar (pentadbiran kulai)	9,100	15.5
			<b>JUMLAH</b>	<b>58,613</b>	<b>99.87</b>
10.	TANGKAK	32,081	Tangkak	10,809	33.7
			Serom	10,409	32.4
			Gambir	10,306	32.1
			<b>JUMLAH</b>	<b>31,524</b>	<b>98.3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>903,136</b>		<b>891,289</b>	<b>98.69%</b>